

**KELUARGA BAHASA INDO-MALAYNESIA DAN PENGARUH  
BAHASA SANSKRIT DALAM MEMPERKAYAKAN  
PERBENDAHARAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU**

**Mohd Nor Azan Abdullah<sup>1</sup>**  
**Mohd Yusof Abdullah<sup>2</sup>**  
Universiti Malaysia Sabah<sup>1</sup>  
Kolej Universiti Islam Melaka<sup>2</sup>

**Abstrak**

Artikel ini akan membicarakan keluarga bahasa Indo-Malaynesia yang ada kaitan dengan bahasa Sanskrit kuno. Bahasa Sanskrit merupakan salah satu bahasa Indo-Eropah yang paling tua di dunia. Ianya tidak dipertuturkan lagi sebagai bahasa vernakular akan tetapi kini bahasa tersebut hanya dijadikan bahasa kitab suci Hindu-Buddha. Pengaruh bahasa Sanskrit bukan sahaja telah meresapi kehidupan linguistik di alam Melayu malah penggunaan kosa kata Sanskrit turut memperkayakan perbendaharaan kata komunikasi masyarakat alam Nusantara. Banyak perbendaharaan kata bahasa tersebut diserapkan ke dalam bahasa Melayu dengan cara mengadaptasi bunyi sebutan kosa kata Sanskrit mengikut iklim sebutan fonologi masyarakat Melayu Nusantara. Artikel ini akan mengenal pasti dan mengumpulkan serta menganalisis beberapa perubahan fonem perbendaharaan kata Sanskrit yang diterima pakai sebagai kata Melayu. Perbincangan juga akan menyentuh kesan penggunaan kata pinjaman tersebut dalam konteks pemantapan dan pengayaan bahasa Melayu itu sendiri. Artikel ini hanya menggunakan kaedah kajian perpustakaan iaitu dengan merujuk buku teks, dokumentasi yang berkaitan serta merujuk pelbagai bahan bertulis dan rujukan di laman sesawang.

**Kata Kunci:** *Indo-Malaynesia, Pengaruh, Bahasa, Sanskrit, Membanyakkan, Perbendaharaan Kata dan Melayu.*

## **LANGUAGE FAMILY IN INDO-MALAYNESIA AND SUNSKRIT INFLUENCE IN ENRICHING IN MALAY VOCABULARY**

### ***Abstract***

*This article will discuss the family of Indo-Malaynesian language related to ancient Sanskrit. Sanskrit language is one of the oldest Indo-European languages in the world. It is no longer spoken of as a vernacular language but now it is only a language of Hindu-Buddhist scripture. The influence of Sanskrit language has not only permeated linguistic life in the Malay world but the use of the Sanskrit vocabulary also enriches the vocabulary of the communication of the Nusantara nature community. Many of the vocabulary of the language is absorbed into the Malay language by adapting the sound of the vocabulary of Sanskrit vocabulary according to the phonological term of the Malay community of Nusantara. This article will identify, collect and analyze some of the Sanskrit vocabulary phonemic changes adopted as the Malay word. Discussions will also affect the effect of the use of the borrowed words in the context of the strengthening and enrichment of the Malay language itself. This article only uses the library study method by referring textbooks, relevant documentation and referring various written and referenced materials on the website.*

**Keywords:** *Indo-Malaynesia, Influence, Language, Sanskrit, Increase, Vocabulary and Malay.*

### **PENGENALAN**

Menurut Collins (2003), bahasa Melayu adalah bahasa yang agung, bersejarah dan berdaulat. Sayangnya, pengkajian dan penelitian selama ini tentang bahasa Melayu tidak sejajar dengan kepentingan bahasa ini. Menurut beliau, walaupun banyak kemajuan yang dicapai dalam bidang linguistik Melayu, namun masih banyak ciri dan keistimewaan bahasa Melayu yang belum lagi diteliti secara tuntas. Sebagai contoh, kajian tentang sejarah kosa kata adalah di antara aspek yang masih belum banyak kajian yang telah dilaksanakan.

Menurut Collins (2003) lagi, masyarakat Nusantara belum memahami sejarah kosa kata bahasa Melayu, sama ada kosa kata asli bahasa Melayu atau yang diserapkan daripada bahasa lain. Kekurangan sedemikian bukan sahaja melemahkan kemajuan pengkajian bahasa Melayu malah memalukan ahli sarjana bahasa Melayu dalam dan luar negara. Beliau menyentuh lagi, bahawa para linguist sudah lama menyelidiki bahasa Melayu tetapi belum ada perbincangan yang menyeluruh dan terperinci tentang etimologi bahasa Melayu. Jika terdapat pun, hanya kajian perintis yang dapat disemak seperti Drewes, 1929; Gonda, 1949, 1952; Hamilton, 1919; Hinlopen Labberton, 1912; Van Ronkel, 1900-1914;

Winstedt,1919; Adelaar 1992,1995 dan lain-lain pengkaji. Masyarakat Nusantara harus sentiasa memiliki sikap kritis terhadap hasil kajian terdahulu, walau siapa pun penulisnya (Ibid, xxvii, xxxi).

Kajian ini akan meneliti sejarah kosa kata bahasa Nusantara terutama kosa kata bahasa Melayu kerana sejarah Nusantara yang dipengaruhi oleh kerajaan hindu dan buddha sebelum kedatangan Islam telah memperkayakan pembentukan kosa kata bahasa Melayu. Sebenarnya, bahasa Melayu semakin bertambah maju dan berkembang pesat di era kedatangan Islam di Nusantara sebagai bahasa *Lingua Franca* di Nusantara. Indo-malaynesia merujuk kosa kata Sanskrit mahu pun Parsi yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu di alam Melayu samaada secara langsung atau diubahsuai bunyi kosa kata tersebut dengan bunyi sebutan Melayu Nusantara. Oleh yang demikian bahasa Melayu boleh digalurkan dibawah keluarga Indo-Malaynesia.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum adalah untuk melihat pengaruh bahasa Sanskrit dalam memperkuatkan kosa kata bahasa Melayu dan ianya bias ke bahasa-bahasa rumpun Austronesia yang lain. Manakala, objektif khusus kajian ini adalah;

1. Untuk menjelaskan pengaruh keluarga bahasa *Indo* terutamanya bahasa Sanskrit dalam pembentuk keluarga bahasa Indo-Malaynesia.
2. Untuk menjelaskan peminjaman kosa kata dalam keluarga bahasa *Indo* telah memperkayakan kosa kata bahasa Melayu sebagai di antara bahasa utama dunia.

Kajian ini untuk mendedahkan serta mencetuskan pemahaman terhadap pengertian Indo-Malaynesia (Indo: bahasa yang berasal dari benua India terutama bahasa Sanskrit) manakala Malaynesia merujuk kepulauan Melayu serta kepentingan keluarga bahasa Indo dalam memperkuatkan makna serta memperbanyakkan kosa kata bahasa Melayu.

### **KAJIAN LITERATUR**

Penulis telah membuat kajian perpustakaan seperti merujuk buku-buku mahupun dokumen tokoh-tokoh yang dinyatakan seperti berikut:

Collins (2003) kerap kali membicarakan secara mendalam berkaitan asal usul sesuatu kosa kata, khususnya sejarah kosa kata bahasa Melayu. Beliau telah

menelusuri perubahan makna dan cakupan yang telah berlaku dalam peredaran zaman. Di antara beberapa penemuan beliau ialah kosa kata 'awak' yang berasal daripada kata Austronesia purba iaitu 'Sawak'. Collins (2003) turut mengkaji fungsi imbuhan dalam memperkayakan morfologi kata bahasa Melayu terutamanya bila dicantumkan dengan pelbagai akar kata. Menurutnya, ahli-ahli bahasa Melayu di Eropah mengalami masalah mendapatkan korpus atau kumpulan teks bahasa Melayu. Setiap penelitian hanya bergantung kepada kamus yang sudah diterbitkan yang begitu kurang maklumat tentang sejarah kosa kata.

Bernd Nothofer (2008) pula mengkaji kata pinjaman daripada bahasa Non-Austronesia ke dalam bahasa Melayu. Beliau juga mengupas asal usul kata serapan daripada bahasa Austronesia. Beliau mengharapkan maklumat etimologi yang disajikan dalam kajian akan dapat menyumbangkan pengertian yang lebih mendalam mengenai sejarah bahasa Melayu oleh penutur asli dan orang yang mempelajari sebagai bahasa asing. Di antara contoh kajian yang diterbitkan dalam buku Leksikologi dan Leksikografi Melayu adalah mengenai pembinaan Kamus Besar Bahasa Melayu Dewan dan sumbangan kepada pengetahuan tentang susur galur bahasa Melayu dengan harapan dalam kamus tersebut akan terdapat kandungan etimologi yang lebih terperinci lagi. Beliau memperkatakan erti kata sumber yang tidak ada perbezaan dengan erti kata yang dipinjam, perbezaan erti, ketidaktentuan tentang kata sumber, kata sumber dalam bentuk Melayu, morfologi bahasa Melayu dan pengaruhnya terhadap perkembangan pinjaman perbendaharaan kata. Di antara contoh kata sumber yang tidak berubah erti pinjamannya seperti *talam*, *bikar*, *seкои* dan sebagainya.

Tee Boon Chuan (2008) pula menulis mengenai Leksikografi Melayu dari kaca mata Morfologi Sanskrit. Bagi beliau kehadiran bahasa Sanskrit merupakan pewarna kosa kata bahasa Melayu. Beliau menyatakan bahasa Melayu telah banyak memanfaatkan kosa kata dan dapat dilihat daripada tiga bentuk kata iaitu kata serapan (agama *skt*; agama *mly*), kata campuran (manusiawi: manusia; *wi* imbuhan akhiran diambil daripada bahasa Arab), kata terjemahan yang dipadankan dengan kosa kata Sanskrit (*hanuman* → *kera kecil*). Walaupun terdapat kajian mengenai beberapa kosa kata bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Sanskrit, namun belum ada lagi penulis menjelaskan kaitan dan kepentingan melihat penyerapan kosa kata Sanskrit dan hubungan dengan ibu bahasa Indo-Melayu dengan menyingkap perbandingan bahasa Sanskrit-Latin dan Indo-Melayu serta pengaruh bahasa Sanskrit-Melayu dalam mewarnai bahasa Austronesia.

## **Melayu dan Indonesia**

Melayu merujuk rumpun bahasa Austronesia yang merupakan bahasa pertuturan populasi di pulau-pulau selatan kepulauan Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura. Istilah Melayu menurut Nik Safiah Karim (2010:2), berasal daripada perkataan Sanskrit, iaitu *malayakolam* atau *malaikurram* yang merujuk sebuah

tempat di utara pantai Semenanjung Malaysia manakala di dalam sebuah kitab Hindu purba iaitu *Purana* yang ditulis sebelum zaman Gautama Buddha telah ditemui istilah *Malaya dvipa*. Perkataan *Dwipantara* bermaksud kepulauan tanah seberang. Nama tersebut adalah dari bahasa Sanskrit: *dwipa* (pulau) *antara* (luar atau seberang). Bangsa barat menamai Asia Tenggara sebagai kepulauan Hindia (Indische Archipel, Indian Archipelago, l'Archipel Indien). Para pengkaji beranggapan bahawa *Malaya dvipa* yang dimaksudkan merujuk pulau Sumatera. Istilah Melayu juga terdapat dalam buku catatan pengembara Cina zaman Dinasti T'ang di sekitar tahun 644-645 M berbunyi MO-LO-YU. Para pengkaji bersependapat bahawa perkataan tersebut merujuk sebuah kerajaan Jambi di selatan pulau Sumatera dan Srivijaya yang terletak di Palembang. Sebenarnya, panggilan 'Malaikaren' dalam bahasa Tamil merujuk kepada penduduk yang tinggal di kawasan yang hijau, berbukit dan subur yang sinonim dengan 'orang Melayu'.

Dalam buku yang berjudul *Asal Usul Alam Melayu* menceritakan nenek moyang orang Melayu berasal dari sebuah daerah yang berhampiran dengan Gunung Himalaya dan menurut buku tersebut, banyak makam raja-raja Melayu di zaman dahulu tidak dijumpai kerana ketika itu mereka beragama seperti agama Hindu dan mayat mereka dibakar secepat mungkin selepas meninggal dunia.<sup>1</sup>

Menurut Mohd Saupi Md. Said (1999), dalam tesis sarjana bertajuk *Analyse Lexico-Syntaxique en vue de la Traduction Malais/Francais* (Analisis Leksikal dan Sintaksis untuk Terjemahan Melayu/ Perancis) menyatakan pengimbuhan dalam bahasa Melayu merupakan satu mekanisme morfologi leksikal yang disesuaikan daripada sistem Sanskrit. Terma imbuhan diwarisi daripada tata bahasa kuno dari India yang menandakan secara literasi "Joindre-Sambung".<sup>2</sup> Menurut Ismail Husein:

*Melalui pengaruh bahasa Sanskrit bahasa Melayu mengalami evolusinya yang pertama. Dari bahasa masyarakat yang agak rendah kebudayaan serta ilmu pengetahuannya, bahasa Melayu mengalami perubahan pertama ke arah bahasa sarjana yang sanggup menyampaikan idea baharu yang tinggi-tinggi.*

(Tatabahasa Dewan, 2009:6)

Tokoh S.Takdir Alisjahbana menyatakan dalam buku *Hari Perjuangan dan Pertumbuhan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia* (1977) seperti berikut:

---

<sup>1</sup> Hj.Md. Sidin b. Hj. Md. Resad. 1985. *Asal Usul Alam Melayu*, muka surat 10, 21. Klang. Sinaran Bros

<sup>2</sup> Mohd Saupi b. Hj Md. Said. 1999/2000. *Analyse lexico-syntaxique en vue de la traduction malais/francais*. muka surat 24. Universite de Franche-Comte. France

Kepulauan Melayu menentukan namanya sendiri menjadi Indonesia dalam perjuangan mencapai kemerdekaannya. Keistimewaan pertumbuhan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Indonesia disebabkan oleh berapa faktor yang khusus terdapat dalam sejarah Indonesia. Pertama, adalah kedudukan istimewa bahasa Melayu yang boleh dikatakan lebih seribu tahun menjadi Lingua franca di daerah kepulauan yang mempunyai lebih dua ratus lima puluh bahasa dan cabang bahasa. Kedua, sikap bangsa Belanda pada permulaan abad kedua puluh ini yang dengan sengaja membatasi penyebaran bahasanya pada lapisan yang sangat kecil daripada bangsa Indonesia, sehingga dalam usaha untuk menyatukan tenaga dalam perjuangan mencapai kemerdekaan bangsa Indonesia terpaksa menukar bahasa perjuangan dari bahasa Belanda kepada bahasa Melayu yang kemudian diubah namanya menjadi bahasa Indonesia. Patut diingatkan pula disini, bahwa faktor yang sangat memudahkan timbul bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Indonesia itu ialah kesediaan suku-suku bangsa terbesar di Indonesia seperti bangsa Jawa (kira-kira lima puluh dua juta), bangsa Sunda (kira-kira dua juta), bangsa Madura (kira-kira enam juta) untuk menerima bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa persatuan dan bahasa rasmi. Jarang sekali dalam sejarah di dunia, bahawa bangsa yang besar dan mempunyai sastera dan kebudayaan yang tinggi dengan suka rela hendak melepaskan kedudukan bahasanya yang penting itu.

(S. Takdir Alisjahbana, 1977:38).

Setelah penelitian petikan di atas, adalah jelas bahawa sebelum kemerdekaan Indonesia, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi antara bangsa-bangsa di Indonesia dan kemudian diubah namanya kepada bahasa Indonesia. Ini menunjukkan bahasa Indonesia adalah kembar yang diklon atas dasar politik linguistik sebuah negara untuk merujuk negara bangsa sesebuah negara seperti bahasa Brunei, bahasa Indonesia mahupun bahasa Malaysia yang juga merupakan bahasa Melayu Nusantara.

Menurutnya S. Takdir Alisjahbana (1977) lagi, bahasa Melayu di Malaysia dan bahasa Indonesia berdasarkan bahasa Melayu yang sama yang menjadi lingua franca lebih seribu tahun di daerah yang luas di Asia Selatan. Pada hakikatnya, perpisahan antara bangsa dan juga bahasa adalah diakibatkan oleh penjajahan bangsa Eropah. Menurut sejarah penubuhan nama Indonesia<sup>3</sup> yang bermula pada tahun 1849, oleh ahli etnologi bangsa Inggeris, George Samuel Windsor Earl (1813-1865), yang menulis dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* (JIAEA). Beliau mencadangkan dalam tulisannya, bahawa kepulauan Hindia

---

<sup>3</sup> [https://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_nama\\_Indonesia](https://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah_nama_Indonesia) 23.07.2016. 4.23pm.

atau Kepulauan Melayu perlu memiliki nama khas (*a distinctive name*), sebab nama Hindia tidak tepat dan sering merujuk penyebutan India yang lain.

Ahli etnologi sendiri menyatakan bahawa untuk memilih nama Malayunesia (Kepulauan Melayu) daripada *Indunesia* (Kepulauan Hindia), sebab Malayunesia sangat tepat untuk ras Melayu, sedangkan *Indunesia* boleh dirujuk untuk Ceylon (Srilanka) dan Maldives (sebutan asing untuk Kepulauan Maladewa). Ahli etnologi ini juga berpendapat bahawa bahasa Melayu dituturkan di seluruh kepulauan ini. Dalam tulisannya, beliau memang menggunakan istilah Malayunesia dan tidak memakai istilah *Indunesia*.

Dalam JIAEA (Vol. IV:252-347), tokoh James Richardson Logan menulis artikel *The Ethnology of the Indian Archipelago* (Etnologi dari Kepulauan Hindia) dan menyatakan perlunya nama khas bagi kepulauan yang sekarang dikenal sebagai Indonesia, sebab istilah *Indian Archipelago* (Kepulauan Hindia) terlalu panjang dan membingungkan. Tokoh ini menggunakan istilah Indonesia dan menggantikan huruf u *Indunesia* kepada o *Indonesia*. Bagi tokoh ini, istilah *Indonesia* sesuai sebagai sinonim yang lebih pendek untuk Pulau-pulau Hindia atau Kepulauan Hindia. Istilah *Indonesia* menjadi lebih popular apabila Adolf Bastian (1826-1905), menerbitkan buku *Indonesien oder die Inseln des Malayischen Archipel* (*Indonesia atau Pulau-pulau di Kepulauan Melayu*). Peristiwa ini diteruskan oleh Suwardi Suryaningrat yang dibuang negeri ke Belanda pada tahun 1913 yang terus mempopularkan *Indonesische* dan kemudian digunakan sebagai nama negara dan seterusnya selepas sumpah pemuda pada 28 Oktober 1918, bahasa negara Indonesia terus di kenali sebagai bahasa Indonesia yang sebenarnya adalah bahasa Melayu seperti yang dipertahankan oleh ahli etnologi bangsa Inggeris George Samuel Windsor Earl (1813-1865), bahawa bahasa Melayu dipertuturi di seluruh pulau ini.

### **Keluarga Indo-Eropah dan Pengaruh Indo di Nusantara**

Bahasa Indo-Eropah telah diperkenalkan pada tahun 1816 oleh seorang yang berbangsa Jerman bernama Franz Bopp bagi menggambarkan keseluruhan bahasa di Eropah dan Asia meliputi utara India, Pakistan, Afganistan dan Bangladesh yang mana struktur bahasanya dapat dibuktikan dan dikenal pasti mempunyai ikatan bahasa di antara satu sama lain. Misalnya, bahasa Sanskrit, Grek, Latin, Ireland kuno (*Le vieil Irlandais*)<sup>4</sup>, Hitit (*le Hittite*)<sup>5</sup> terletak di Turki. Manakala, Gothik (*Le Gothique*) penduduk Germanik<sup>6</sup>, bahasa Bulgaria lama<sup>7</sup>, bahasa Pursia

---

<sup>4</sup> [https://fr.wikipedia.org/wiki/Vieil\\_irlandais](https://fr.wikipedia.org/wiki/Vieil_irlandais)


<sup>5</sup> [https://fr.wikipedia.org/wiki/Hittite\\_\(langue\)](https://fr.wikipedia.org/wiki/Hittite_(langue))

<sup>6</sup> <https://fr.wikipedia.org/wiki/Gothique>

<sup>7</sup> [https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Slavonik\\_Gerejawi\\_Kuno](https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Slavonik_Gerejawi_Kuno)

kuno adalah juga bahasa yang pernah dituturkan di Prusia Timur, yang sekarang terbahagi antara Wilayah Rusia (Kaliningrad) dan Poland (Warmia dan Mazuria)<sup>8</sup>. Kesemua bahasa ini mempunyai ikatan dan hubungan yang nyata dengan bahasa yang di katakan berasal di utara India. Petunjuk ini memberi erti kebanyakan bahasa Eropah dan bahasa Asia seperti bahasa Iran, Pakistan, Afganistan, India dan Bangladesh merupakan milik keluarga bahasa Indo-Eropah.<sup>9</sup>

**Rajah 2: Keluarga Indo-Eropah**



Berdasarkan kepada keluarga bahasa Indo-Eropah dan perkaitannya dengan keluarga bahasa Indo sebagai ibu bahasa, maka kajian ini mengkaji perkaitan bahasa Melayu dengan ibu bahasa tersebut dalam membentuk, memperkaya dan

<sup>8</sup> [https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Prusia\\_Kuno](https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Prusia_Kuno)

<sup>9</sup> (Terjemahan daripada : *La famille Indo-Europeene; Le terme a été introduit en 1816 par l'Allemand Franz Bopp pour désigner un ensemble de langues d'Europe et d'Asie (incluant le nord de l'Inde avec l'Iran, l'Afghanistan, le Pakistan et le Bangladesh) dont la parenté structurale s'est révélée remarquable. Le sanskrit, le grec, le latin, le hittite, le vieil irlandais, le gothique, le vieux bulgare, le vieux prussien, etc., présentent effectivement des liens communs surprenants. Cela signifie que la plupart des langues d'Europe et une grande partie des langues de l'Iran, de l'Afghanistan, du Pakistan, du Bengladesh et de l'Inde appartiennent à la famille indo-européenne.* <http://www.axl.cefan.ulaval.ca/monde/famineur.htm>



pengevolusian bahasa Nusantara yang lain terutama di zaman Nusantara berada di bawah pengaruh peradaban Hindu dan Buddha.

**Persamaan Kewujudan Bahasa Sanskrit Sebagai Ibu Bahasa Dunia (*Langue mère*)**

Pengaruh bahasa Brahman dapat dilihat dalam beberapa contoh perkataan seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 1: Persamaan Bahasa Sanskrit dan Latin**

<b>Persamaan Bahasa Sanskrit dan Latin</b>	
<b>Sanskrit:</b>	<b>Latin:</b>
Berdasarkan Kamus Sanskrit-Perancis (2008)	Berdasarkan <i>Tresors des racines latines</i> (2008)
<b>Raja</b> (raja)	rajem
<b>Madhyam</b> (pertengahan yang melibatkan saiz)	medium
<b>Pitr</b> (Bapa)	pater
<b>Matr</b> (ibu)	mater
<b>Sapta</b> (tujuh)	septem
<b>Bhratar</b> (abang)	frater
<b>Devas</b> (dewa)	divus
<b>Danta</b> (gigi)	dentis
<b>Mrta</b> (mati)	mortis
<b>Agni</b> (api)	ignis
<b>Naama</b> (nama)	nomen
<b>Mānusa</b> (manusia)	(men, man Human)

Terjemahan petikan dalam bab 2 bertajuk *Early Malay (A Short History: Malay, Word and Language)* yang ditulis oleh Collins (2003) bermaksud seperti berikut:

Di Asia, jemaah Buddha I-Ching, belayar dari China ke tempat-tempat suci di India pada tahun 671, menghabiskan enam bulan di Fo-shih, Sumatera Sriwijaya untuk belajar bahasa Sanskrit. Dia menulis, di bandar berkubu negeri Fo-Shih terdapat lebih daripada seribu sami Buddha yang mempelajari segala pelajaran yang seboleh mungkin seperti yang terdapat di India; peraturan dan upacara mereka adalah sama dengan yang terdapat di India. Jika buddha Cina ingin pergi ke barat untuk memahami dan membaca [teks Buddha di India] mereka

akan menghabiskan setahun atau dua tahun di Fo-shih dan mengamalkan kaedah-kaedah yang betul di sana; mereka kemudiannya mungkin akan pergi ke India.<sup>10</sup>

Tulisan I-Ching jelas menunjukkan bahawa Sumatra ketika itu merupakan pusat pembelajaran agama Buddha dan bahasa Sanskrit digunakan untuk mempelajari dan mendalami agama tersebut. Maka sudah tentu banyak perbendaharaan kata Sanskrit diserapkan ke dalam kehidupan masyarakat Sumatra ketika itu dan ianya dianggap suci kerana melibatkan kepercayaan agama mereka. Jika di barat bahasa Latin dan aksara Latin digunakan dalam penyebaran dan pembelajaran agama Bible, manakala di Nusantara pula bahasa Sanskrit merupakan bahasa pembelajaran agama Hindu mahu Buddha sebelum kedatangan Islam.

Bahasa Melayu bukan sahaja menerima pengaruh Indo secara langsung seperti kata Ismail Hussein melalui pengaruh bahasa Sanskrit, bahasa Melayu mengalami evolusinya, malah ia juga menerima kemasukan kosa kata Indo-Eropah yang lain seperti Portugis, Inggeris, Belanda yang merupakan hasil daripada kesan penjajahan. Bahasa Parsi juga tidak ketinggalan dalam mewarnai kekayaan perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu. Kekayaan bahasa Melayu dapat dilihat dengan penerimaan dan asimilasi bahasa dari keluarga Darvidien 'Tamul', Sino Tibet 'Cina' mahupun dari keluarga Semitik seperti bahasa Arab. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa dunia dan mampu menjadi bahasa ilmu. Pengaruh Sanskrit telah menyerap secara langsung ke alam Melayu seperti kata Ismail Husein yang dipetik Nik Safiah Karim dalam buku *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*:


Bahasa Sanskrit bukan sahaja dipinjam untuk mengatakan sesuatu yang berkait dengan bidang kebudayaan, kesenian atau agama, tetapi bahasa itu juga telah mempengaruhi pelbagai cabang kehidupan bangsa Melayu.

(*Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*, Nik Safiah Karim:  
2010: 11)

---

<sup>10</sup> In Asia, the Buddhist pilgrim I-Ching, sailing from China to the sacred shrines of India in 671, spent six months in Fo-shih, the Sumatran capital of Srivijaya, to study Sanskrit. He wrote: *In the fortified city of Fo-Shih there are more than a thousand Buddhist priests whose minds are bent on the study of all possible subjects exactly as in India; their rules and ceremonies are identical with those in India, If a Chinese priests wishes to go the the west to understand and read [ Buddhist texts in India] he would be wise to spend a years or two in Fo-shih and practice the proper rules there; he might then go on to central India.*

**Rajah 3: Inti Bahasa Indo-Malaynesia (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)**



Konsep peminjaman dan penyerapan kosa kata bahasa Sanskrit juga berlaku dalam bahasa rumpun Austronesia secara hubungan tidak langsung dengan peradapan Sanskrit-Melayu yang pengkaji takrifkan sebagai pengaruh sekunder Sanskrit-Melayu. Penyerapan lexis tersebut dilihat pengkaji melalui bahasa Bajau Semporna, Indonesia, Melayu dan Tagalog. Kesemua bahasa ini diperkayakan dengan kosa kata Sanskrit agar ianya berkemampuan menjadi bahasa komunikasi di rantau alam Melayu. Kajian ini menyenaraikan beberapa lexis Sanskrit yang telah diserapkan ke dalam bahasa etnik Sabah. Jadual menunjukkan pengaruh lexis Sanskrit dalam bahasa Austronesia termasuk bahasa Tagalog, Indonesia, Melayu dan bahasa Bajau Semporna. Bahasa etnik di Sabah turut berkembang maju dengan penyerapan lexis Sanskrit dalam kehidupan seharian hasil pengaruh daripada bahasa Melayu (peringkat sekunder: Sanskrit → Melayu → bahasa etnik Sabah) seperti yang tertera di dalam jadual 2.

**Jadual 2: Leksis Serapan Sanskrit dalam Leksis Bahasa Etnik Sabah**

	Leksis Bahasa Etnik Sabah						
	Melayu	Brunei	Murut	Kedayan	Dusun	Bisaya	
<b>Agama</b>	ugama	ugama	ugama	ugama	ugama	agama	
<b>Bohdi</b>	budi	budi	budi	budi	budi	budi	
<b>Guru</b>	guru	guru /cigu	cigu	guu [gu:u?]	guru [guyu?]	guru [guyu?]	
<b>Leksis Sanskrit</b>	<b>Saksi</b>	saksi	saksi	saksi	saksi	saksi	
	<b>Mukha</b>	muka	mua	kiung	muha/ munung	Rabas/ vuros	rabas
	<b>Dukkha</b>	duka	duka	mesusah	sadih/duka/ sugul	side	sidih
	<b>Dharta</b>	derita	derita /susah	semusa/ mapagon	-	inggorit	-

### **Kaedah Mengenal Pasti Sesuatu Kata**

Kaedah mengenal sejarah kata (sumber) melibatkan ilmu etimologi. Menurut Collins (2003), etimologi menyangkut ilmu linguistik, bentuk dan makna. Untuk menentukan sejarah sesuatu kata, terdapat dua syarat, iaitu kesepadanan bunyi kata semestinya teratur dan syarat semantik iaitu perkembangan makna kata tersebut mesti munasabah. Di antara contoh yang diberikan ialah kata 'Awak' yang merupakan kata ganti diri kedua berasal daripada kata Austronesia Purba \*Sawak yang bererti 'pinggang'. Sememangnya dari segi rumus, katanya kesepadanan bunyi Austronesia dalam bahasa Melayu \*S biasanya hilang. Diberikan contoh kata Austronesia Purba *iSkān* menjadi *ikan* dalam bahasa Melayu, *iSu* menjadi *yu* dan *tebuS* menjadi *tebu*. Teori ini menunjukkan bunyi kata purba \*Sawak dan kata moden *awak* munasabah dan teratur. Menurutny lagi makna \*Sawak menjadi lebih berbelit. Makna \*Sawak kata yang bererti *badan* atau *diri* dan kata itu berubah menjadi kata ganti iaitu *awak*. Ilmu etimologi seharusnya menjelaskan perkembangan sesuatu kata dan asal usul semua kata baik asli mahupun pinjaman dalam sesuatu bahasa.

Berdasarkan kesepadanan bunyi dan perkembangan makna kata yang manasabah maka penulis memilih dan menyenaraikan perkataan Sanskrit yang terdapat dalam buku *Grammaire Elementaire et Pratique du Sanskrit Classique* (2008): Leksis Sanskrit – Perancis, halaman 376-429 dan kemudian menterjemahkan perkataan yang ada kaitannya dengan pengasimilasi perkataan tersebut kedalam bahasa Melayu dengan mengikut acuan sebutan Nusantara.

**Jadual 3: Terjemahan Kosa Kata Leksis Sanskrit – Perancis  
ke Bahasa Melayu**

<b>Sanskrit</b>	<b>Perancis</b>	<b>Melayu</b>	
aneka	nombreux	aneka	berbagai-bagai
antara	intervalle	antara	-
aphala	inutile	apalah	-
artha	richesse	harta	-
āśrama	maitre du maison	asrama	-
uttama	eminent/ premier	utama	-
upāya	moyen	upaya	-
eka	un, unique, seul	satu	ekabahasa – dalam satu bahasa
kathā	parole	kata	-
kalā	petit periode de temps	kala	waktu
kārya	devoir, mission	karya	-
krtya	qui doit etre fait	kerja	-
ksatriya	guerrier	sateria	kesateria
gaja	elephant	gajah	-
guru	maitre	guru	-
grāhma	village	rumah	-
cakra	roue / disque	cakra	-
citta	pensee/ esprit	cita	angan-angan / fikiran
cintā	pensee	cinta	perasaan / fikiran
jagat	univers	jagat	-
jaya	victoire	jaya	-
jāla	filet	jala	-
jāti	race	jati	-
tathāpi	cependant	tetapi	-
tri/ triyah	trois	tiga	-
danda	châtiment	denda	-
dadhi	lait caillé	dadih	-
dasá	dix	dasa	-
dāna	don	dana	-


*Keluarga Bahasa Indo-Malaynesia dan Pengaruh Bahasa Sunskrit dalam  
Memperkayakan Perbendaharaan Kosa Kata Bahasa Melayu  
Mohd Nor Azan Abdullah dan Mohd Yusof Abdullah*

dāra	epouse	Isteri/ perempuan	-
dīrga	long	dirgahaju	lanjut usia
durjana	mechant	durjana	-
dusta	corrompu	dusta	-
dukha	malhereux	duka	-
deva	dieu	Dewa lekaki	tuhan lelaki
devī	reine/ deese	Dewi	tuhan perempuan
desá	endroit	Tempat/ desa	-
dvādasán	douzieme	Dua dasa	-
dvi	deux	dua	-
dhana	argent	Dana/ wang	-
nagara	ville	Bandar/ negara	-
nadī	riviere	Sungai/ utama	-
nāga	serpent	naga	-
nāma	nom	nama	-
niścaya	decision	nescaya	sudah tentu
nīla	de couleur indigo	nila	warna biru
pañca	cinq	panca	awalan asing lima: <b><i>pañca</i></b> indera, <b><i>pañca</i></b> logam
para	autre	para	menyatakan yang lain
parameśvara	seigneur supreme	raja	ketua tertinggi
putra	fiis	putra	anak lelaki
putri	filie	puteri	anak perempuan
pura	cite	pura	bandar, kota, negeri <b><i>Singapura, Indrapura</i></b>
pustaka	livre	buku	-
pūjā	hommage	puja	-
pūrva	anterieur	purba	-
prthivi	terre	pertiwi	-
prathama	premier	pertama	-
prahara	blessure	parah	luka yang teruk
priya	cher	priya	-
phala	gain/ interet	pahala	-
bala	force	bala	bala tentera
bāhu	bras	bahu	bahu meliputi lengan
buddhi	intelligence, pensee	budi	-
bhakti	attachement	bakti	-
bhaya	crainte, terreur	bahaya	takut yang amat
bhāga	fraction	bahagian	-
bhāsā	langue	bahasa	-
bheda	categorie, separation	beda	-

bhūmi	terre	bumi	-
madhu	miel	madu	-
madhya	situe au milieu	medium	di tengah-tengah
marana	mort	Mati/ merana	-
mahā	grand	maha	-
mahārāja	grand roi	raja	-
mukha	vissage	muka	-
mūrka	stupide/ imbecile	murka	-
mūla	element principal	mula	-
mrga	animal sauvage	mergastua	binatang liar
yoga	yoga	yoga	-
rasa	saveur	rasa	-
rāksasa	demon	raksasa	-
rāga	passion	raga	-
rūpa	forme	rupa	-
rūpavat	beau	rupawan	-
vacana	parole	wacana	-
varna	couleur	warna	-
vāyu	vent	bayu	-
vicāra	deliberation	bicara	-
vīra	héros	wira	-
śakti	pouvoir	sakti	-
śatru	ennemi	seteru	-
śabda	Son, cri; mot	sabda	-
śāstra	science	sastera	-
sisya	élève	siswa	-
śuci	pur	suci	-
śyama	de couleur sombre	samar	-
śrī	gloire	sri	-
sakala	tout entier	segala	-
sajji	préparer	saji	-
sama	ensemble	sama	tidak berbeza
samudra	océan	samudra	-
sampūrna	complet	sempurna	-
simha	lion	singa	-
siddha	accompli	sudah	-
sukha	heureux	suka	-
sūtra	cordons	sutra	-
sūrya	soleil	suriya	-
strī	épouse	isteri	-
svarga	paradis	syurga	-
svāmin	maitre	suami	-
hamsa	oie sauvage	angsa	-
hasta	main: trompe (de l'éléphant)	hasta	-

Penyerapan kata-kata Sanskrit ataupun kata daripada bahasa lain biasanya akan memelihara bentuk aslinya atau sangat dekat dengan bentuk aslinya dan ada yang disesuaikan dengan pola fonemik bahasa Melayu. Nothofer (2008), merekonstruksi unsur bahasa secara amnya berdasarkan bunyi, kata dan makna. Oleh yang demikian, kajian ini mengenal pasti kata asal yang diambil daripada Sanskrit berdasarkan pada rekonstruksi bunyi, kata dan makna dalam kedua-dua bahasa tersebut. Bagi Nothofer (2008), jika kata-kata dalam bahasa yang dibandingkan sama, maka tidak ada soal merekonstruksikan bunyi dan kata bahasa purba. Berdasarkan definisi tersebut, pengkaji mengambil contoh seperti berikut:

### Contoh 1: Rekonstruksi Bunyi



Hubungan antara kata seperti ini disebut hubungan kognat (*cognate relationship*). Banyak kata yang konsonannya diucapkan dan dieja dengan aspirasi seperti *bh*, *ph*, *dh* dan *kh* dalam bahasa Sanskrit seperti contoh-contoh di bawah.

### Contoh 2: Hubungan Kognat

Sanskrit	→	Melayu
↓		↓
Bhasa	→	bahasa
Phala	→	pahala
Dhana	→	dana
Dukha	→	duk <u>Ø</u> a

Bunyi- bunyi *bh*, *ph*, dan *dh* telah disesuaikan dengan fonem sebutan Nusantara maka vokal fonem /a/ ditambah di antara dua konsonan pada suku kata awal tersebut. Bagi bunyi aspiral *kh*, fonem /h/ digugurkan dalam suku kata kedua. Penguguran itu disimbolkan dengan fonem kosong Ø. Bagi /h/ hembus [dibunyikan] - *aspiré*). /bh/ dibunyikan dalam suku kata Sanskrit **bhasa** ( **dua suku kata: bha / sa**. /bh/ bukan merupakan sebutan bunyi Nusantara mahupun bahasa Perancis lalu ianya disesuaikan dengan fitrah sebutan kepulauan Melayu dengan diselitkan vokal 'a' dan menjadikannya 3 suku kata KV/ KV/ KV [KV mewakili **K**onsonan dan **V**okal ] ba/ha/sa. Berdasarkan kepada contoh di atas,



maka kata-kata Melayu dapat direkonstruksi secara korespondensi teratur dengan kata bahasa Sanskrit.

## **KESIMPULAN**

Sejarah awal di Nusantara berserta pengaruh bahasa Sanskrit yang sebatu dalam kehidupan berbahasa masyarakat bukan sahaja di Nusantara malah di Asia Tenggara seperti dalam bahasa Kemboja, Thailand, Vietnam, Laos malah Filipina maka kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjut yang menyeluruh secara intensif perlu dilakukan bagi mengesahkan bahawa ketepatan istilah atau terma keluarga dan kekerabatan bahasa Nusantara jelas kedudukannya.


Kajian resapan kata ke dalam bahasa Melayu dapat memperkasakan kamus bahasa Melayu. Menurut Nothofer (2008: 106), Kamus Dewan Bahasa Pustaka yang lama hanya mengandungi maklumat yang sangat terbatas mengenai sejarah kosa kata Melayu. Menurutnya lagi Kamus Dewan Bahasa Dewan, Edisi Ketiga (xxxix) diterangkan bahawa maklumat etimologi terdiri atas bahasa sumber sesuatu perkataan yang sudah meresap ke dalam perbendaharaan bahasa Melayu tetapi masih terasa sifat-sifat keasingan tanpa menghitung taraf atau peringkat resapan perkataan yang berkaitan dalam kalangan pengguna bahasa. Contoh yang beliau berikan adalah seperti berikut:

**Dramawan** *Id* *pelakon drama, pelakon dalam sandiwara.*

Ulasan beliau: tanda *Id* menyatakan bahawa kata ini merupakan unsur yang dipinjam daripada bahasa Indonesia. Menurutnya lagi penjelasan sedemikian tidak merupakan penjelasan terperinci yang sebenar mengenai kata *Dramawan*. Oleh itu, katanya lagi perancangan penerbitan Kamus Besar Bahasa Melayu Dewan tahun 2010 akan memaparkan perkembangan bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia khususnya dan di Nusantara amnya.

Sebenarnya, kata *Drama* adalah berasal daripada kata Belanda dari *ibu bahasa Indo-Eropah* yang kemudiannya menerima akhiran Sanskrit *-wan* lalu terhasil kata *Dramawan* yang diberi maksud oleh Kamus Dewan Bahasa pelakon drama, pelakon dalam sandiwara. Bagi pengkaji, pendekatan yang digunakan oleh Collins (2003) untuk menjelaskan penurunan sesuatu kata ke dalam rumpun Austronesia termasuk ke dalam bahasa Melayu adalah jelas. Hubungan antara kata seperti ini disebut hubungan kognat (*cognate relationship*). Banyak kata yang konsonannya diucapkan dan dieja dengan aspirasi seperti *bh*, *ph*, *dh*, dan *kh* dalam bahasa Sanskrit. Contoh yang diberikan melalui shema yang diberikan oleh Collins (2003) telah diubahsuai penulis adalah seperti berikut:

### Contoh 3: Hubungan Kognat



Dua jalur penyerapan kata daripada Collins (2003: 6) diubahsuai oleh pengkaji. Daripada pengamatan dan dapatan yang diperolehi, cadangan ini mencadangkan agar istilah jalur pokok bahasa yang sepatutnya digunakan adalah Indo-Malaynesia untuk mewakili bahasa Melayu, Indonesia dan bahasa sukuan yang lain. Adalah diharapkan kajian akan datang akan dapat dilaksanakan untuk melihat sejauh mana pengaruh Indo dalam bahasa rumpun Austronesia yang sudah tentunya akan melibatkan bahasa Melayu itu sendiri.

### BIBLIOGRAFI

- Asmah Haji Omar. 2010. *Carik-carik Bulu Ayam Kisah Rundingan Bahasa Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Selangor: Dawama.
- Bernd Nothofer. 2008. *Kamus Besar Bahasa Melayu Dewan: Sumbangannya kepada Pengetahuan Tentang Susur Galur Bahasa Melayu* dalam Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharuddin (Editor), *Leksikografi dan Leksikografi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sarian. 2003. Penggunaan Istilah Kata Serapan. Kuala Lumpur: Temubual Abdul Razak Abu Chik, 3 Januari. Dalam *Pendekatan Pengajaran Berasaskan Kata Serapan Bahasa Melayu untuk Meningkatkan Pemahaman Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Tinggi*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dayang Hajah Norati Bakar *et al.*, 2011. *Daftar Lesikal dan Dialek Brunei Darussalam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ménétrier, E. 1933. *Le Vocabulaire Cambogien Dans Ses Rapports Avec Le sanskrit Et Le Pali*. Phnôm-Penh: Imprimerie Du Protectorat.
- Md. Sidin Md. Resad. 1985. *Asal Usul Alam Melayu*. Klang: Sinaran Bros.
- Mohd Nor Azan Abdullah. 2013. *Thèse du doctorat: Étude Comparative Des Structures Et Des Systèmes Verbaux Du Français Et Du Malais*. Besançon France: Université Du Franche-Comté.
- Mohd Saupi Hj Md. Said. 2000. *Analyse lexico-syntaxique en vue de la traduction malais/français*. France: Université de Franche-Comte.

- Nik Safiah Karim. 2010. *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2009. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piere Labrousse *et al.*, 1984. *Dictionnaire Général Indonesian Français*. Paris: Association Archipel.
- Sylvain Brocquet. 2010. *Grammaire Élémentaire Et Pratique Du Sanskrit Classique*. Belgique: Édition Safran.
- S. Takdir Alisjahbana. 1977. *Dari Perjuangan dan Pertubuhan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Moderen*. Jakarta: Penerbit Dian Rakyat.
- Tee Boon Chuan. 2008. *Leksikografi Melayu dari Kaca Mata Morfologi Sanskrit* dalam Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharuddin (Editor), *Leksikografi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **LAMAN SESAWANG**

- [https://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_nama\\_Indonesia](https://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah_nama_Indonesia) 23.07.2016. 4.23.p.m.
- <http://veda.wikidot.com/malay-words-sanskrit-origin> 17.07.2016. 10.33 p.m.
- [https://fr.wikipedia.org/wiki/Vieil\\_irlandais](https://fr.wikipedia.org/wiki/Vieil_irlandais) 18.07 .2016. 7.a.m.
- [https://fr.wikipedia.org/wiki/Hittite\\_\(langue\)](https://fr.wikipedia.org/wiki/Hittite_(langue)) 18.07.2016 . 8.00 a.m.
- [https://fr.wikipedia.org/wiki/Vieil\\_irlandais](https://fr.wikipedia.org/wiki/Vieil_irlandais) 18.07.2016. 8.50. a.m.
- [https://fr.wikipedia.org/wiki/Hittite\\_\(langue\)](https://fr.wikipedia.org/wiki/Hittite_(langue)) 19.07.2016. 7.00.a.m.
- <https://fr.wikipedia.org/wiki/Gothique> 19.07.2016. 9.00. a.m.
- [https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Slavonik\\_Gerejawi\\_Kuno](https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Slavonik_Gerejawi_Kuno) 20.07.2016. 8.30. a.m.
- [https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Prusia\\_Kuno](https://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Prusia_Kuno) 20 .07.2016. 9.00.a.m.
- <http://www.axl.cefan.ulaval.ca/monde/famindeur.htm> 21.07. 2016. 10. p.m.